



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

# SIARAN AKHBAR

16 September 2020

## **ANUGERAH PERSURATAN 2020**

### **Anugerah Persuratan 2020**

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) akan menganjurkan Anugerah Persuratan 2020 (AP2020). Dianjurkan buat pertama kali pada 1993, usaha dwitahunan ini merupakan usaha berterusan MBMS untuk mengiktiraf para penulis watan yang bergiat dalam bidang persuratan Melayu.

Pengerusi MBMS, Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, mengatakan "Anugerah Persuratan merupakan wadah penting untuk mengiktiraf penggiat karya penulisan tempatan bagi membantu membangunkan bidang bahasa, budaya dan sastera. Tiga unsur penting ini memainkan peranan sebagai pemersatu, dan sebagai ramuan untuk membina kesedaran kolektif yang boleh mencorakkan hala tuju sesuatu bangsa. Bahasa, budaya dan sastera amat penting untuk mengukuhkan dan meningkatkan martabat sesuatu bangsa itu dalam komuniti bangsa-bangsa yang lain."

Selaras dengan usaha MBMS untuk mewujudkan budaya membaca yang lebih bertenaga, akses kepada bahan-bahan bacaan yang bermutu harus diperluas. Dengan itu, Anugerah Persuratan 2020 hanya akan menerima karya yang dibukukan dan diterbitkan. Kategori anugerah juga diperkemas kepada enam hadiah.

Menyokong perubahan ini, Dr Kartini Anwar menekankan, "Ini merupakan langkah untuk sastera Singapura terus berkembang dan dapat dinikmati oleh khalayak pembaca yang lebih luas. Karya yang dibukukan meningkatkan akses dan jangkauan kerana buku-buku ini boleh didapatkan di perpustakaan dan wadah penjualan buku. Hal ini juga memudahkan usaha-usaha untuk mengkaji karya-karya sastera Melayu pada peringkat pengajian tinggi dan antarabangsa."

Penerima Anugerah Harapan 2015, Encik Hassan Hasaa'Ree Ali, turut menambah, "Anugerah Persuratan (AP) merupakan wadah penting di persada Singapura. Ia mengiktiraf karya-karya penulis tempatan, baik yang muda mahupun yang mapan. Selain menggalakkan penerbitan karya yang bermutu, AP juga mampu menonjolkan karya dan bakat penulis muda yang bakal menjadi pelapis dan berjuang bagi mengibarkan bendera negara di arena persuratan antarabangsa."



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

### Objektif Anugerah Persuratan

Anugerah Persuratan dilaksanakan dengan objektif untuk:

- a. memberikan pengiktirafan kepada para penulis yang telah menghasilkan karya yang bermutu dan bernilai;
- b. meningkatkan dan memupuk perkembangan penulisan dalam kalangan penulis berbahasa Melayu;
- c. menggalakkan penerbitan karya yang bermutu; dan
- d. memasyarakatkan bidang persuratan.

### Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

Selaku Pengerusi Jawatankuasa AP2020, yang juga pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura, Dr Azhar Ibrahim menyahut cabaran untuk melaksanakan tanggungjawabnya dalam masa-masa getir ini. Beliau berkata “AP2020, yang sudah teramanah kepada MBMS, bukan sahaja merupakan penganugerahan tertinggi untuk dunia persuratan kita, tetapi juga kebanggaan bersama demi mengikuti rentak perubahan, langsung meletakkan sastera kita di peta kesusteraan Nusantara.”

### Kategori Anugerah

Pada Majlis AP2020 yang akan berlangsung pada tahun hadapan, empat jenis hadiah/anugerah akan disampaikan, iaitu:

- Hadiah Persuratan (merangkumi enam bidang)
- Anugerah Tun Seri Lanang
- Anumerta Tun Seri Lanang
- Anugerah Harapan

*Sila rujuk **Lampiran** untuk butiran lanjut.*

### Dasar Penilaian

Penilaian AP2020 pada dasarnya ditujukan pada karya asli yang berbahasa Melayu. Buku berkenaan dihasilkan oleh warganegara atau penduduk tetap Singapura yang diterbitkan **pada tahun 2017, 2018 atau 2019**, sama ada di Singapura atau di luar negara. Buku berkenaan juga harus mempunyai nombor ISBN untuk menentukan kesahihannya.

Jawatankuasa AP2020 akan membentuk kumpulan panel penilai bagi menilai karya-karya sepanjang tahun penilaian dan sekumpulan lagi penilai untuk menentukan pemenang Anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan.



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

### Penghantaran Karya untuk Dinilai

Para penulis dan penerbit yang ingin menghantar karya-karya mereka untuk dinilai bagi AP2020 harus mengisi borang penghantaran karya secara dalam talian selewat-lewatnya pada **Khamis, 12 November 2020, jam 6 petang**. Semua penghantaran harus dibuat secara dalam talian. Karya hendaklah yang telah **diterbitkan pada tahun 2017, 2018 atau 2019**. Borang penyertaan untuk penghantaran karya dalam talian boleh didapati di [lelaman ini](#).

### Pencalonan Anugerah Tun Seri Lanang, Anugerah Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan

AP2020 mengalu-alukan pencalonan untuk Anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan. Pencalonan bagi anugerah-anugerah ini harus dilakukan secara dalam talian selewat-lewatnya pada **Khamis, 12 November 2020, jam 6 petang**. Borang pencalonan dalam talian boleh didapati di [lelaman ini](#).

---

### Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Puan Siti Fazila Ahmad  
Setiausaha, Majlis Bahasa Melayu Singapura  
Hp: 96881942  
E-mel: [Siti\\_Fazila\\_Ahmad@moe.gov.sg](mailto:Siti_Fazila_Ahmad@moe.gov.sg)

Puan Azizah Zakaria  
Timbalan Setiausaha, Majlis Bahasa Melayu Singapura  
Hp: 94248514  
E-mel: [azizah\\_zakaria@rp.edu.sg](mailto:azizah_zakaria@rp.edu.sg)

Cik Shafienas Salleh  
Urus setia, Majlis Buku Singapura  
Talian: 63425125  
E-mel: [shafienas@bookcouncil.sg](mailto:shafienas@bookcouncil.sg)

Dianjurkan oleh:



Diuruskan oleh:



Disokong oleh:





**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

**LAMPIRAN**

**Hadiah Persuratan dan Penganugerahan**

**Hadiah Persuratan**

<b>Bidang</b>	<b>Bentuk Buku</b>
Cerpen	1 hadiah
Esei / Kajian Sastera	1 hadiah
Novel	1 hadiah
Sajak	1 hadiah
Sastera Kanak-Kanak	1 hadiah
Teater (untuk Pentas)	1 hadiah

Kategori eceran digugurkan bermula pada tahun 2020.

**Kriteria Kategori**

Buku yang disertakan haruslah telah diterbitkan pada tahun 2017, 2018 atau 2019.

- i) **Esei / Kajian Sastera** – Buku eseи sastera atau buku kajian sastera yang dikerjakan secara perseorangan atau kolektif yang diterbitkan dalam tahun penilaian.
- ii) **Kumpulan/Antologi** – ‘Kumpulan’ bererti koleksi penulis perseorangan. ‘Antologi’ pula ialah koleksi karya bersama penulis yang lain. Sama ada kumpulan atau antologi, buku berkenaan hendaklah mengandungi tidak lebih daripada dua pertiga karya-karya yang telah disiarkan dalam tempoh lima tahun (termasuk karya-karya yang diterbitkan dalam tahun penilaian). Buku tersebut juga masih boleh dinilai jika dimuatkan dengan karya-karya yang pernah memenangi Hadiah Sastera atau Hadiah Penghargaan yang lalu tetapi tidak boleh melebihi 10% daripada kandungan keseluruhan buku tersebut.
- iii) **Novel** – Novel yang diterbitkan dalam tahun penilaian.
- iv) **Sastera kanak-kanak** merupakan kategori baru yang diperkenalkan pada tahun 2017. Buku tersebut haruslah yang diterbitkan dalam tahun penilaian.
- v) **Teater (untuk Pentas)** – Skrip drama pentas, sama ada satu skrip atau kumpulan skrip, yang telah diterbitkan dalam tahun penilaian.

**Anugerah Tun Seri Lanang**

Anugerah Tun Seri Lanang diperuntukkan kepada seorang tokoh persuratan yang memiliki nilai unggul sebagai:

- i) tokoh seni yang ulung di mata masyarakat berbilang kaum dan budaya Singapura;
- ii) tokoh antarabangsa melalui pengiktirafan karya besar mereka;
- iii) pejuang seni dalam erti kata menggunakan sebahagian besar usia dan kehidupan mereka untuk menyubur dan menyemarakkan bidang yang dihayati; atau



## MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

- iv) penyumbang dan pemaju pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan melalui karya mereka (dalam bentuk kreatif atau nonkreatif); dan
- v) tokoh teladan yang menimba ilmu sepanjang hayat demi meningkatkan mutu karya dan ketukangannya dalam bidang persuratan.

Geran bernilai \$5,000 diberikan kepada sesiapa yang bertauliah dan ingin mengkaji ketokohan, keilizaman, sumbangan, pemikiran dan alam penulisan tokoh yang terpilih.

### Anumerta Tun Seri Lanang

Anumerta Tun Seri Lanang diberikan bagi mengenang tokoh persuratan yang telah meninggal dunia. Kriteria pemilihan tokoh sama seperti Anugerah Tun Seri Lanang.

Hadiah akan diberikan kepada keluarga tokoh dan \$5,000 lagi dalam bentuk geran kepada sesiapa sahaja yang bertauliah dan ingin menulis mengenai ketokohan, pemikiran dan falsafah, iltizam dan sumbangan Tokoh Anumerta ini.

### Anugerah Harapan

Anugerah Harapan diperuntukkan untuk penulis di bawah usia 40 tahun yang menampakkan potensi dalam bidang persuratan sama ada:

- i) menjadi teraju utama kepada usaha-usaha menggerakkan bidang persuratan; baik cerpen, sajak, novel, drama, karya bukan sastera dan sebagainya;
- ii) menggunakan masa untuk berkongsi ilmu dan kemahirannya dalam bidang persuratan kepada golongan muda atau pelajar; dan
- iii) menghasilkan karya yang memberikan isi dan nilai tambah dalam penulisan kreatif dan bukan kreatif sama ada dalam bentuk media bercetak atau elektronik untuk memajukan pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan negara.

### **Kriteria Umum Penilaian**

Karya itu dianggap mencapai taraf terbaik jika karya itu memiliki beberapa ciri seperti yang berikut:

- i) Kekuatan dan Kemantapan
- ii) Keistimewaan dan Keunggulan
- iii) Keaslian Subjek
- iv) Kedalaman dan Matang
- v) Keseimbangan Estetika
- vi) Nilai-nilai Moral
- vii) Inovasi dan Kreativiti



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (Malay Language Council, Singapore)**

Jawatankuasa Anugerah Persuratan 2020

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapore 439053

E-mel: [programmes@bookcouncil.sg](mailto:programmes@bookcouncil.sg) Tel: 63425119 / 63425125

### **Prosedur Penilaian**

Jawatankuasa AP2020 akan membuat penilaian sama ada perlu menambah atau menolak karya yang diterima untuk dinilai bagi hadiah-hadiah persuratan. Hal ini termasuk membuat pencalonan tambahan atau menolak pencalonan bagi anugerah-anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Harapan yang diterima. Pengelola AP2020 tidak perlu memberikan sebab atas keputusan yang diambil. Karya-karya dan pencalonan yang diterima akan diajukan kepada panel penilai yang dibentuk oleh Jawatankuasa AP2020.

